

PERANAN AKIDAH DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN UMMAH: SATU ANALISIS DALAM KONTEKS MASYARAKAT KINI*

Oleh:

Mohd Fauzi bin Hamat

Abstract

The significance of human development especially human resource development (HRM) and its relations with the role of Islamic theology is commonly understood by many Muslim scholars based on their understanding of the impact of Islamic theology in changing human mindset, act and behaviour. This article will discuss that role in relation to the human development in Malaysia. Some suggestions are also being raised to ensure that the study of Islamic theology in our country would give the maximum impact in changing our life and developing our society.

Adalah dimaklumi bahawa akidah memainkan peranan besar dalam membentuk insan yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman dan sejahtera. Ia turut mampu berperanan mencorakkan seluruh aktiviti manusia, termasuk kegiatan pembangunan ummah yang bertujuan untuk membolehkan seluruh ahli masyarakat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Lantaran itu, peranan dan fungsi akidah semestinya diperhitungkan dalam seluruh perancangan hidup manusia, khususnya yang menyentuh aspek perancangan pembangunan ummah. Kejayaan gemilang yang dicapai oleh umat Islam pada zaman silam dalam sejarah mereka membangunkan sebuah peradaban yang unggul di persada dunia, dalam keadaan mereka tidak pernah mengabaikan peranan agama dalam proses pencapaian kegemilangan tersebut, jelas membuktikan keterangan awal yang menjadi mukadimah

* Artikel ini adalah olahan semula daripada kertas kerja yang telah dibentangkan oleh penulis dalam *Seminar Pemikiran Dan Penghayatan Islam 2002*, anjuran Akademi Pengajian Islam, Cawangan Nilam Puri, UM dengan kerjasama Unit Perundingan Islam, Bahagian Pembangunan Korporat APIUM pada 26hb. Oktober, 2002 di Dewan Johor, APIUM Nilam Puri, Kelantan.

kepada perbincangan artikel ini. Memandangkan persoalan yang dibahaskan ini menyentuh beberapa aspek yang agak luas, artikel ini hanya akan cuba mengulas kepentingan penerapan akidah dalam perancangan pembangunan ummah agar seluruh aktiviti tersebut dapat digerakkan secara terancang dan dalam bentuk yang bersepadu agar ia tidak terkeluar dari skop penunaian tugas manusia sebagai 'hamba' dan 'khalifah' di atas muka bumi ini dalam batasan kuasa dan kapasiti kemampuan yang ada padanya.

I

Perkataan 'akidah' dari segi bahasa bermaksud 'simpulan atau ikatan yang kuat dan teguh'.¹ Sesuatu yang telah tersimpul/terikat turut membawa makna 'sesuatu yang telah menjadi teguh dan telah termantap (اشتد وصلب).² Makna 'akidah' dari segi bahasa ini mempunyai hubungan yang rapat dengan makna perkataan tersebut dari segi istilah yang antaranya didefinisikan sebagai "pembenaran dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti (putus) tanpa perasaan syak atau ragu sedikitpun,"³ atau "gugusan pernyataan benar yang diterima secara mudah oleh akal manusia, didengar dari sumber wahyu dan secara semulajadinya begitu senang diterima oleh manusia dalam keadaan hati sanubari mereka tidak sukar untuk menyimpul/menetapkan secara pasti kewujudan dan kesahihan apa yang dipercayainya."⁴

Perbincangan tentang akidah tidak boleh dipisahkan daripada perbahasan tentang 'iman'⁵ kerana apa yang disimpulkan oleh seseorang individu dalam hati sanubarinya adalah semua prinsip rukun iman sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis Jibril yang masyhur itu. Al-Qaradāwī, seorang tokoh ulama terkenal amat menekankan keperluan umat Islam memahami konsep iman yang sebenar sebagaimana yang difahami oleh *al-salaf al-sālih*, iman yang bukan sekadar diucapkan secara lisan tanpa adanya keyakinan di hati,⁶ sekadar pengetahuan kognitif yang dicapai menerusi akal-nazari

¹ Ibrāhīm Muṣṭafa, et.al. (1972), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, j. 2, Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 636, lihat perkataan " عقد ". Lihat juga, al-Fayrūz Abādi, Muhammad Ibn Ya'qūb (1987), *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Kaherah: Mu'assasah al-Risālah, h. 383-384.

² Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-'Arab*, cet. 4, Beirut: Dār Ṣadir, h. 299.

³ Sayyid Sābiq (t.t.), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Faṭḥ li I'lām al-'Arab, h. 8.

⁴ Al-Jazā'irī, Abū Bakr Jābir (t.t.), *Aqīdah al-Mu'min*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 23.

⁵ Dari segi bahasa ia bermakna 'al-taṣḍīq' (pembenaran). Lihat al-Qur'an: Surah Yūsuf: 17.

⁶ Al-Baqarah: 2: 8-9.

tanpa adanya kepercayaan mencecah tahap yakin⁷ atau sekadar kepercayaan yang tidak mencetuskan ketundukan dan kepatuhan terhadap perintah dan arahan Allah SWT secara yang setulusnya.⁸

Menurut beliau lagi, iman yang sebenar merujuk kepada penanggapan/pencapaian akal manusia mencecah tahap yakin, tanpa diseliputi oleh unsur syak dan ragu terhadap kebenaran apa yang diimani, disusuli kemudiannya oleh keakuran hati dan kepatuhan kemahuan terhadapnya yang terserlah menerusi ketundukan dan kepatuhan seseorang terhadap semua perintah dan arahan yang diterima dari Allah SWT, Tuhan yang diimaninya.⁹ Dengan cahaya iman, seseorang mukmin boleh melihat 'sesuatu' berasaskan kacamata *al-dīn*.¹⁰

Berasaskan kefahaman ini, istilah 'iman' dan 'Islam' saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dan dilihat dari aspek ini, Islam adalah ketundukan zahir anggota yang terhasil/terlahir dari adanya iman dalam jiwa individu mukmin. Iman bukan sekadar kepercayaan yang dirujuk kepada penerimaan akliah terhadap hakikat ketuhanan, tetapi ia membawa maksud penerimaan seluruh diri akannya, yang tercara pada apa yang dibawa serta disunnahkan oleh NabiNya yang benar, Rasulullah s. 'a.w., yang mengakibatkan dia bertindak menurut perintah dan larangan yang disuruh oleh Tuhan Yang Hak.¹¹ Menerangkan lebih lanjut tentang hakikat, sifat dan pengertian 'iman' ini, al-Marhum Sayyid Qutb r.h. pernah menyatakan bahawa:

"Keimanan itu ialah tasdik (tasdiq) hati terhadap Allah dan rasul-Nya, iaitu tasdik yang tidak dilanda oleh sebarang syak dan keraguan, tasdik yang yakin, teguh dan mantap yang tidak bergoncang dan tidak bergoyang, tidak diganggu waswas, tasdik hati dan perasaan yang tidak teragak-agak, tasdik yang melahirkan kesanggupan berkorban dengan harta benda dan jiwa raga kerana sabilullah (jalan Allah). Apabila hati mengecapi kemanisan iman dan

⁷ Al-Ḥujurāt: 49: 15. Sebab itu istilah 'iman' tidak boleh disamaertikan sebagai 'kepercayaan' atau 'pegangan' semata-mata kerana bukan semua 'kepercayaan' mencecah tahap 'yakin'.

⁸ Lihat, al-Qaradāwī, Yūsuf, Dr. (1987), *al-Imān wa al-Hayāh*. cet. 13, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 19-20

⁹ *Ibid*, h. 20. Untuk kefahaman yang lebih jelas tentang persoalan ini, sila teliti gugusan ayat al-Qur'an seperti berikut: al-Nisā': 65, al-Nūr: 51 dan al-Ahzāb: 36.

¹⁰ Sa'īd Ḥawwa (1989), *al-Asās fī al-Sunnah wa Fiqhuhā: al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*. jil. 1, Kaheerah: Dār al-Salām, h. 17.

¹¹ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 76.

yakin kepadanya nescaya ia akan bertindak melahirkan hakikatnya di luar hati iaitu di alam kenyataan, alam kehidupan manusia. Ia mahu menyelaraskan di antara hakikat iman di dalam hatinya dengan hakikat iman di alam kenyataan dan kehidupan yang melingkungi dirinya. Ia tidak dapat bersabar melihat perbezaan di antara gambaran iman di dalam hatinya dengan gambaran iman dalam kenyataan di sekelilingnya, kerana perbezaan itu menyakit dan menyedihkannya pada setiap waktu. Dari sini timbullah keinginan berjihad kerana sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga iaitu keinginan spontan dari jiwa orang yang beriman untuk mewujudkan satu gambaran yang gemilang di dalam hatinya supaya terjelma di dalam kehidupan manusia.”¹²

Berasaskan definisi akidah yang dinyatakan tadi dan konsep ‘keimanan’ yang disimpulkan oleh orang yang memiliki akidah yang benar, dirumuskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga elemen penting akidah keimanan; **pertama**, adanya pegangan kuat berasaskan keyakinan, **kedua**, adanya unsur ketundukan yang tulus dalam hati sanubari manusia terhadap apa yang diimaninya dan **ketiga**, adanya unsur cetusan atau rangsangan dalaman dalam diri individu tersebut untuk menterjemahkan seluruh prinsip keimanannya di alam kenyataan dengan berusaha untuk menyelaraskan seluruh aktiviti hidup harian yang dilaluinya berasaskan nilai-nilai keimanan tersebut. Ini kerana beliau tidak boleh bersabar melihat segala aktiviti hidup dilangsungkan berasaskan bentuk dan kaedah yang bertentangan dengan asas-asas keimanan yang terpendam jauh dan kental dalam hati sanubarinya.¹³

Peranan akidah sebagai unsur pencetus adalah unsur utama yang bukan sahaja sekadar menjadi faktor pembeza antara ‘mukmin’ dan ‘kafir’, tetapi juga menjadi tenaga penggerak dalaman utama yang bertindak mencetus, memberangsang dan menggerakkan seluruh keupayaan mental dan fizikal manusia ke arah melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dalam kehidupannya, sebagaimana mafhum dari keterangan nas-nas al-Qur’an dan yang dapat disaksikan dari sejarah perjalanan hidup Rasulullah s.‘a.w. dan para sahabatnya r.‘a. Ucapan syahadah yang diucapkan oleh setiap muslim bukan sekadar ucapan biasa, tapi ia menjelaskan persaksiannya bahawa ‘tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruhNya’; ucapan yang membawa maksud bahawa ‘Allah’ mengisi tempat utama di dalam kehidupan, tindakan serta pemikiran setiap muslim, di mana segala kemewahan dan sejarah, kepelbagaian budaya dan ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan tamadun Islam

¹² Sayyid Qutb, *Tafsir Fī Zilāl al-Qur’ān*, terj. Yusuf Zaki Ya‘kub, Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd., h, 452.

¹³ Untuk keterangan lanjut, lihat Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah (1998), *Islam Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 105.

terkandung kesemuanya dalam kalimah syahadah.¹⁴ Bagi maksud melahirkan satu angkatan generasi muslim yang akan sentiasa meletakkan Allah dalam segala perhitungan dan pertimbangan hidupnya, para Rasul diutuskan silih berganti oleh Allah SWT. Allah SWT perlu diletakkan sebagai rujukan utama bagi segala sesuatu (*marja' kulli kawn*) dan matlamat terakhir yang ingin dicapai oleh mereka (*muntahā kulli qasd*).¹⁵

Berlandaskan kepada kefahaman sebegini, setiap mukmin sewajibnya meletakkan keutamaan kepada soal akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya di dunia ini, termasuklah dalam aspek yang berkaitan dengan pembangunan ummah agar seluruh perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan yang ditelusurinya tidak terkeluar dari matlamat untuk menyelaraskan urusan kehidupannya supaya ia berjalan seiringan dengan prinsip-prinsip keimanan yang diyakininya. Dalam pengajian akidah, mukmin diajar bahawa Allah SWT bersifat 'iradah' dan iradah/kehendak Allah SWT adalah 'kehendak yang muktamad' dan mengatasi kehendak manusia.

Lantaran itu, manusia didedahkan oleh wahyu tentang 'apa kehendak' yang diinginkanNya berlangsung di atas dunia yang diciptakanNya. Menjadi tanggungjawab manusia untuk berusaha segigihnya bagi memahami kehendak Allah SWT berdasarkan panduan wahyu, bimbingan para Rasul 'a.s. dan dalam hal-hal tertentu mereka terpaksa berijtihad bagi menafsirkan permasalahan semasa yang tidak dijelaskan secara terang oleh nas-nas yang *qat'i*. Dalam proses ijtihad, terdapat tiga prinsip asas Islam yang perlu diambil kira iaitu *tawhīd*, *tazkiyyah* dan *'umrān*, di mana dalam bidang perancangan sosial, tauhid sewajibnya menjadi asas utama kepada aturan sosial (*the principle of social order*) yang ingin diterapkan dalam sesuatu masyarakat.¹⁶ Hasil dari proses ijtihad inilah juga yang menyebabkan terlahirnya apa yang dikenali sebagai 'pemikiran Islam'.¹⁷

¹⁴ Al-Faruqi, Isma'il Raji, Dr. (2000), *al-Tawhid: Kesannya Terhadap Pemikiran Dan Kehidupan*. terj. Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn. Bhd., Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought Malaysia & Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 1 dan 11-12.

¹⁵ Muhammad 'Abduh (1965), *Risālah al-Tawhīd*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah Muhammad 'Ali Ṣabīh wa Awlādih, h. 5

¹⁶ Al-Alwani, Taha Jabir & al-Ansary, Waleed Adel (1999), *Linking Ethics and Economics: The Role of Ijtihad in The Regulation and Correction of Capital Markets*, Washington: Center for Muslim-Christian Understanding (CMCU) Georgetown University, h. 4-5.

¹⁷ Istilah 'Pemikiran Islam' ditafsirkan sebagai 'semua hasil pemikiran umat Islam, mencakup pengetahuan berhubung dengan Allah, alam dan manusia; iaitu dalam bentuk ijtihad akal manusia dalam menafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syariah dan akhlak Islam. Lihat Muḥsin 'Abd al-Ḥamīd, Dr. (1986), *al-Fikr al-Islāmī Taqwīmuh wa Tajdīduh*, Baghdad: t.p, h. 7.

Hal ini perlu sebenarnya diberi perhatian utama oleh semua pihak, khususnya kalangan yang terlibat dalam usaha untuk membangun ummah, sama ada penggubal dasar, jentera pelaksana dasar dan kalangan yang terlibat dalam bidang pendidikan. Apatah lagi dalam konteks negara Malaysia yang pernah dijajah oleh pihak penjajah yang bukan sedikit meninggalkan warisan idea kepada kita tentang falsafah pembangunan dan strategi perlaksanaan yang tidak bersendikan asas-asas ajaran ketuhanan dalam erti kata yang sebenarnya. Semua pihak perlu memastikan bahawa perancangan pembangunan ummah tidak mengetepikan unsur 'rabhani', khususnya dari aspek falsafah pembangunannya yang akan mendasari seluruh kegiatan tersebut.

Kegagalan perancangan pembangunan masa lalu yang dilihat lebih memberati sektor ekonomi secara tidak langsung telah melahirkan generasi kini yang terlalu mementingkan kebendaan dan kurang menekankan aspek penghayatan terhadap prinsip-prinsip ajaran Islam yang luhur. Isu-isu keruntuhan moral dan gejala sosial yang diwarnai dengan berbagai keanekaan ragamnya kini memperkukuhkan kenyataan tersebut. Langkah pihak kerajaan untuk melaksanakan Dasar Sosial Negara (DSN) sebagai dasar rujukan bagi perlaksanaan program pembangunan sosial pada masa akan datang adalah langkah yang baik bagi mencegah dan menangani gejala sosial.¹⁸ Ia akan menjadi lebih baik dan lebih berkesan sekiranya penggubalan dan perlaksanaan dasar tersebut mengambil kira peranan akidah yang menjadi teras dan nadi utama kehidupan muslim.

Pengajaran tentang akidah adalah amat diutamakan dalam tradisi pendidikan Islam sejak zaman berzaman. Ini kerana akidah adalah asas kepada ajaran Islam. Dalam tradisi Islam, pengetahuan tentang akidah khususnya untuk mengenal Allah dianggap sebagai pengetahuan yang paling tinggi dan teragung.¹⁹ Rasulullah s. 'a.w amat menekankan aspek pendidikan ini kepada para sahabatnya. Kepentingan ini bukan sahaja boleh dilihat secara jelas dari kandungan ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah s. 'a.w di gua Hirā', tetapi juga berdasarkan penelitian terhadap kandungan surah pertama iaitu al-Fatihah yang terkandung dalam al-Qur'an. Surah tersebut menekankan kewajipan manusia mengenali Allah SWT dan mentauhidkanNya dengan cara yang betul. Dalam surah tersebut terkandung semua

¹⁸ Lihat, *Kabinet Disyor Laksana Dasar Sosial Negara*, Utusan Malaysia Online, 15 Oktober 2002.

¹⁹ Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, h. 19.

²⁰ Untuk keterangan lanjut tentang pembahagian ini dan kejelasan tentang konsep ketiga-tiga jenis tauhid tersebut, lihat al-Mullā 'Alī ibn Sultān Muḥammad al-Qāri (1997), *Syarḥ al-Fiqh al-Akbar li Abī Hanīfah al-Nu'mān*, suntingan Marwan al-Sya'ar, h. 39, Muḥammad 'Abd al-Wahhāb (t.t.), *Majmū'ah al-Tawḥīd*. Riyād: Idarat al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irsyād, h. 56

jenis *tawhīd*, sama ada yang dikenali sebagai *tawhīd rubūbiyyah*, *tawhīd ulūhiyyah* dan *tawhīd al-asmā' wa al-ṣifāt*.²⁰

Penelitian terhadap metodologi pembentangan akidah yang dipraktikkan oleh para Rasul a.s. mendedahkan bahawa mereka bukan sekadar membentangkan prinsip-prinsip akidah yang bersifat beku kepada kaum mereka atau sekadar memahami masyarakat tentang peristilahan akidah yang terdapat dalam kamus perbendaharaan Islam. Sebaliknya mereka menggunasuaikan manhaj yang boleh merangsangkan masyarakat ke arah pencapaian kehidupan yang lebih baik dan sempurna; persoalan akidah yang dikemukakan dikaitkan terus dengan permasalahan semasa yang dihadapi oleh sesuatu ummah. Ini bermakna bahawa akidah yang dibentangkan kepada masyarakat adalah bertujuan untuk menangani dan menyelesaikan problem kehidupan yang sedang mereka depani. Mereka tidak sekadar memperkenalkan disiplin akidah sebagai suatu disiplin pengajian yang berlegar hanya di sekitar perbahasan tentang gugusan peristilahan dan terminologi terkhusus dalam bidang tersebut, tanpa dikaitkan secara langsung dengan urusan kehidupan ummah yang secara realitinya sedang berlangsung dalam masyarakat.²¹

Lantaran itu, adalah amat dikesalkan sekiranya bentuk pengajian yang berlangsung dalam sistem pendidikan kita tidak menumpukan perhatian secara serius terhadap permasalahan ummah kontemporari, khususnya masalah-masalah yang terlahir dari penerimaan masyarakat terhadap gagasan pemikiran luar yang berteraskan faham sekular, keterikatan ummah dengan budaya songsang, bidaah dan khurafat yang tidak berasaskan pemikiran kritis, ilmiah dan saintifik warisan peninggalan nenek moyang dari zaman silam, ketidakupayaan ummah bagi menyelesaikan masalah-masalah dalaman yang sedang gawat kini seperti gejala sosial, sumbang mahram, *black metal*, penyalahgunaan kuasa, politik wang, amalan pilih kasih dalam pentadbiran, rasuah dan sebagainya, juga masalah yang terhasil dari keterpesonaan sesetengah kalangan dengan budaya hedonisme tajaan Barat yang merosakkan.

Kalau ada anggota masyarakat yang berusaha mengkesampingkan soal asas yang daruri ini, dia bukan sahaja menyerlahkan kedangkalan ilmu, kedaifan iman dan kelemahan 'kuasa' atau 'tenaga' pencetus bersifat rohani mereka, tetapi juga membayang dan mengisyaratkan kerosakan besar yang bakal menimpa mereka, sama ada cepat ataupun lambat, sebagaimana yang pernah dipertontonkan oleh Allah SWT kepada manusia menerusi pengkisahan al-Qur'an tentang umat yang terdahulu. Justeru

²¹ Jum'at Amin 'Abd al-'Aziz (1991), *Fahm al-Islām fi Zilāl al-Uṣūl al-'Isyrīn*. cet. 2, Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, h. 164-165. Untuk keterangan lanjut keterangan al-Qur'an dalam surah-surah berikut: Nūh: 71: 10-12, al-Syu'arā': 26: 128, al-A'rāf: 7: 74, al-A'rāf: 7: 80 dan al-A'rāf: 7: 85

itu, generasi muslim seharusnya mengambil beban tanggungjawab menyedarkan masyarakat betapa pentingnya persoalan akidah dijadikan sebagai asas utama dalam proses penggubalan dasar dan pelaksanaan program-program pembangunan. Kursus-kursus latihan bertujuan mendedahkan kepentingan ini sewajibnya dipergiat dan disasarkan kepada seluruh lapisan masyarakat, khususnya kalangan yang terlibat dalam pembinaan kurikulum pengajian akidah kerana ia boleh mencorakkan minda para pelajar yang bakal menjadi penggerak pelaksanaan program-program pembangunan negara pada masa akan datang. Keperluan menjadikan subjek ini sebagai subjek wajib, bukannya elektif bagi semua pelajar muslim yang sedang menuntut di menara gading sewajarnya difikirkan secara serius oleh semua pihak.

Dalam konteks negara kita, adalah diperhatikan bahawa terdapat beberapa kelemahan yang seharusnya ditangani segera oleh semua pihak yang terlibat dengan pengajaran subjek ini agar pengajian akidah yang berlangsung dalam sistem pendidikan sekarang bukan sahaja mampu menghadam semua asas-asas pemikiran akidah Islam, tetapi juga mampu mengeluarkan pelajar yang berkeupayaan untuk menghubungkan persoalan akidah dengan permasalahan semasa dan isu-isu kontemporari yang sedang didepani oleh ummah kini. Terdapat kritikan yang diajukan terhadap sistem dan kurikulum pengajian tradisional yang berlangsung dalam negara kita sejak zaman berzaman yang dilihat kurang memberi penekanan yang seimbang antara aspek penghadaman teori dan aplikasi/penggunaan teori dalam kehidupan pelajar. Pengajian tertumpu kepada sifat 20 yang bukan sahaja dipengaruhi oleh dialektika (*jadal*) Greek dan logik Aristotle, malah ia dianggap sempit dan tidak menyentuh masalah kehidupan manusia.²²

Kritikan cendekiawan Islam terhadap kecenderungan sesetengah kalangan umat Islam yang gemar membincangkan isu-isu akidah yang tidak menyentuh secara langsung masalah besar yang dihadapi oleh umat Islam di kurun ini seharusnya turut diberi perhatian oleh kita. Antaranya kecenderungan membahaskan masalah 'syirik' yang dikaitkan dengan amalan membuat binaan di atas pusara, tetapi tidak menyentuh persoalan yang lebih besar dari itu iaitu 'syirik' yang mungkin terjadi dalam bentuk yang baru, antaranya apabila wujud fenomena memberi kepatuhan luar biasa oleh seseorang individu terhadap seseorang sehingga mungkin terselit di dalamnya elemen 'keberhalaan maknawi' yang menyerupai 'keberhalaan inderawi'. Nilai negatif seperti ini tidak seharusnya tersebar dalam masyarakat dan ia boleh dihapuskan menerusi

²² Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*. Kuala Lumpur & Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Sains Malaysia, h. 44.

²³ Lihat Muhammad al-Bahī, Dr. (1971), *al-Fikr al-Islāmī fi Tatawwurih*, Kaherah: Dār al-Fikr, h. 81.

usaha menanamkan konsep 'persamaan' (*al-musāwah*) antara pemimpin dan individu yang dipimpin, memperkasakan prinsip ukhuwwah di kalangan umat Islam, mewujudkan kerjasama (*al-ta'āwun*) antara ahli masyarakat dan melaksanakan semua prinsip ajaran Islam dalam masyarakat tersebut.²³

Infrastruktur keilmuan seperti ini perlu diterangkan dalam pengajian akidah dan dianggap sebagai sebahagian dari aktiviti pemantapan akidah ummah, bukannya setakat terhenti pada gerakan memerangi gejala syirik dalam bentuknya yang klasik sahaja. Untuk sekadar menambah contoh, kenyataan Dr. Muḥammad Bayṣār bahawa terdapat pertubuhan yang dianggotai oleh umat Islam yang meletakkan dasar rasminya bahawa Islam tidak layak untuk dijadikan manhaj hidup bagi manusia (*yada' fi ulā mabādi'ih anna al-Islām la yaṣluh an yakūna dīn al-ḥayāh*), adalah antara contoh isu besar yang dimaksudkan oleh penulis sebagai isu 'syirik moden' yang harus ditangani oleh para ilmuwan kini secara ilmiah.²⁴

Pada zaman awal sejarah, terdapat kecenderungan sesetengah pengarang hikayat dalam sastera Melayu yang cuba membentangkan beberapa persoalan akidah bukan berasaskan dalil-dalil yang kuat dan disokong oleh jumur ulama, contohnya perbincangan tentang perkara kenabian yang menyentuh isu-isu yang tidak jelas sandaran hujahnya seperti hikayat Nur Muhammad yang menceritakan bahawa Allah menjadikan cahaya Muhammad sebelum menjadikan alam ini,²⁵ kisah-kisah para nabi, khususnya yang menyentuh kemukjizatan mereka yang telah ditokok tambah²⁶ dan kisah asal usul kejadian alam yang antaranya menyatakan bahawa dunia berada di atas tanduk lembu berwarna putih.²⁷ Kecenderungan seperti ini juga tersasar dari objektif utama pengajaran akidah yang seharusnya berlangsung dalam masyarakat. Keterangan dari petikan berikut mengenai hikayat Nabi Ya'qub 'a.s memperjelaskan lagi ketersasaran yang dimaksudkan:

“...bahawasanya ibu Ya'qub bunting dengan satu bunting dua anaknya. Maka tatkala sampailah bilang bulannya datang ketika beranak berkata keduanya di dalam perut ibunya dan ibunya mendengar ia akan perkataan keduanya, maka berkata salah seorang bagi taulannya, “Beri jalan bagiku hingga aku keluar dahulu daripada engkau.” Maka berkata yang satunya,

²⁴ Muḥammad Bayṣār, Dr. (1973), *al-'Aqīdah wa al-Akhlāq wa Atharuhuma fī Ḥayāt al-Fard wa al-Mujtama'*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 34.

²⁵ Untuk keterangan lanjut tentang 'Nur Muhammad', lihat Ali Ahmad & Siti Hajar Che' Man (1996), *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3-10.

²⁶ *Ibid*, h. 11.

²⁷ *Ibid.*, h. 40.

“Jika engkau keluar dahulu daripada aku nescaya aku belah akan perut ibuku hingga aku keluar daripada rusuknya.” Maka berkata yang satunya, “Keluar olehmu dahulu dan jangan engkau bunuh akan ibuku. Maka keluar yang pertamanya maka dinamakan ‘Isu kerana bahawasanya ia ‘asi di dalam perut ibunya dan keluar yang keduanya dinamakan Ya‘qub. Maka bangkitlah ‘Isu kejadiannya kasar dan keras dan adalah ia pekerjaannya suka berburu dan memanah dan jadilah Ya‘qub pekerjaannya kasihan dan lemah lembut. Maka adalah ia suka akan kambing dan berhuma dan memelihara kambing dan adalah ibunya kasih kepada Ya‘qub kerana bakti baginya.²⁸

Kritikan sebegini tidak seharusnya dilihat dan ditafsirkan sebagai adanya kecenderungan untuk mempertikaikan sumbangan besar yang telah dilakukan oleh ulama tempatan silam dan zaman kini dalam membebaskan pemikiran masyarakat dari segala fahaman kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam di sepanjang zaman berdasarkan pendekatan yang mereka pilih, tapi harus dilihat dari aspek yang positif iaitu sebagai suatu sumbangan berupa infrastruktur keilmuan yang bertujuan untuk memastikan pengajaran akidah mampu melahirkan kesan yang maksimum dalam mendidik manusia menjadi insan yang beradab dengan dirinya sendiri, dengan Allah, dengan manusia, dengan binatang dan dengan alam sekelilingnya. Lantaran itu, terdapat beberapa orang ilmuwan Islam yang bangun mengemukakan beberapa saranan agar dilakukan sedikit anjakan paradigma dan modifikasi kurikulum bagi memantapkan pengajaran akidah berbekalkan semua karya agung akidah yang ditinggalkan oleh para ulama yang ikhlas.²⁹

Proses modifikasi kurikulum tidak harus menyentuh aspek-aspek normatif yang ada dalam pengajian tersebut, kerana prinsip-prinsip akidah adalah sesuatu yang tetap dan tidak mungkin boleh berubah serta dibahaskan sama sekali (*ghayr qābilin li al-taghayyur wa al-niqāsh*), tetapi hanya melibatkan corak penghuraian prinsip-prinsip akidah dalam bahasa yang sesuai dan mudah difahami ahli masyarakat kini. Selain dari itu, antara perkara yang perlu difikirkan juga ialah keperluan dan cabaran semasa

²⁸ Ali Ahmad (1999), *Kisah-Kisah Nabi Yusuf Dalam Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 85-86.

²⁹ Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat Abdul Shukor Husein, *Pengajian Usuluddin: Satu Anjakan*, Kertas kerja Seminar Pengajian Usuluddin 1996, pada 4-6 Oktober, 1996 bertempat di Kompleks Perdanasiswa UM, Anjuran Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Lihat juga kata pengantar yang diberikan oleh Profesor Dr. M. Rasjidi dalam Harun Nasution (1985), *Teologi Islam: Aliran-Aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, h. vii-viii.

³⁰ M. Amin Abdullah, Dr. (1997), *Falsafah Kalam Di Era Post Modernisme*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 42.

ummah yang menyentuh bidang '*Ilm al-Kalām*, misalnya isu-isu kemanusiaan universal, pluralisme keagamaan, kemiskinan struktural,³⁰ masalah kemunduran ummah, penularan faham materialisme melampau, fahaman feminisme, fahaman perkauman berasaskan semangat 'aşabiyyah terlarang dan isu-isu lain yang telah diterangkan sebelum ini.

Teguran dibuat oleh beberapa ilmuwan, khususnya golongan moden yang diajukan kepada para ulama, iaitu yang terlibat dengan pengajaran akidah khususnya yang lazim dikategorikan sebagai ulama tradisional tidak harus dihalakan bagi maksud memperkecilkan sumbangan besar ulama silam dalam membahaskan isu-isu akidah yang menimbulkan kekeliruan di kalangan khalayak awam setelah munculnya firaq *kalāmiyyah* dalam episod perjalanan ilmiah tamadun Islam. Ini kerana perbahasan ilmiah yang ditangani secara tenang, bebas dan beretika telah menyumbang kelahiran satu disiplin penting dalam Islam yang dikenali sebagai pengajian Usuluddin ('*Ilm Uṣūl al-Dīn*) yang juga turut digelar sebagai '*Ilm al-Kālam* dan '*Ilm al-Tawhīd*. Pengajian yang berkisar kepada perbahasan ketuhanan, kenabian dan persoalan kebangkitan ini telah menjadi satu cabang terpenting bagi pemikiran Islam selain dari disiplin '*Ilm Uṣūl al-Fiqh* sebelum berlakunya gerakan penterjemahan yang menyaksikan kemunculan bidang-bidang pemikiran Islam yang lain susulan dari itu.³¹

II

Adalah diinsafi bahawa persoalan pembangunan ummah adalah satu topik perbincangan penting yang telah banyak diperkatakan oleh ramai pihak sama ada di peringkat nasional ataupun internasional. Berbicara tentang isu ini tentu sekali akan melibatkan perbahasan panjang lebar yang merangkumi isu-isu melibatkan pentakrifan tentang istilah 'pembangunan', khususnya pembangunan bersepadu, perancangan pembangunan, faktor-faktor pemangkin kepada pembangunan, gangguan-gangguan kepada program pembangunan, penilaian dan pemantauan terhadap keberkesanan program pembangunan dan sebagainya. Artikel ini hanya akan menyentuh satu aspek kecil yang tidak kurang pentingnya dalam proses pembangunan iaitu perbincangan tentang perancangan pembangunan.

Perkataan 'pembangunan' ditakrifkan sebagai 'perihal membangun, proses

³¹ Al-Fayyūmī, Muḥammad Ibrāhīm, Dr. (1991), *Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah fi al-Masyriq*, Kaherah: Dār al-Thaqāfah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 47.

³² al-Faruqi, (2000), *al-Tawhid*, h. 131-132.

membangun (mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya)'. Ia juga dirujuk maksudnya kepada "segala usaha atau kegiatan membangun, memaju dan mengembangkan'. Perkataan 'ummah' pula adalah suatu istilah yang merujuk kepada 'masyarakat secara menyeluruh melibatkan semua ciptaan, dengan keahliannya merangkumi semua jenis kaum dan komuniti, tanpa terikat dengan kedudukan geografi atau terhad kepada sesuatu bangsa, ras dan rumpun tertentu sahaja.³² Apabila perkataan ini digabungkan dengan perkataan 'ummah' dan membentuk istilah 'pembangunan ummah', maka secara mudah kita boleh faham bahawa segala perihal, proses, usaha dan kegiatan pembangunan yang dimaksudkan adalah dikaitkan secara langsung dengan ummah itu sendiri secara keseluruhannya.

Istilah 'pembangunan' jikalau dikonsepsikan berasaskan *world-view* Islam lebih sesuai jikalau dirujuk kepada kegiatan penting dan terancang yang menghasilkan kebaikan, atau satu gerak dari keadaan buruk kepada baik, dari keadaan baik kepada yang lebih baik dan yang mengekalkan keadaan baik tersebut.³³ Justeru itu, Profesor Wan Mohd Nor Wan Daud menyarankan agar istilah 'pembangunan' lebih sesuai digantikan dengan istilah 'pengislahan'³⁴ yang membawa maksud bahawa kegiatan pembangunan sebenarnya adalah juga merupakan kegiatan berbentuk pengislahan masyarakat dari keadaan yang buruk kepada yang lebih baik, bukan sebaliknya. Antara jaringan makna 'pengislahan' juga ialah kegiatan meruntuhkan (seperti meruntuhkan kezaliman) dan menghapuskan (seperti menghapuskan kejahilan) yang merupakan intisari pembangunan yang sebenar.³⁵

Penulis berpendapat bahawa memang wajar istilah tersebut ditukarkan kepada istilah baru memandangkan istilah 'pembangunan' yang lazimnya diterima oleh masyarakat awam lebih merujuk kepada pembangunan fizikal yang berasaskan pemikiran Barat. Pihak PBB misalnya, telah memperkenalkan penunjuk pembangunan insan berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh negara Barat yang bersendikan faham sekular; fahaman yang memisahkan agama dari seluruh kegiatan manusia. Menurut ukuran PBB, indeks pembangunan insan ialah kepanjangan umur, pencapaian pendidikan dan kadar kehidupan mengikut Keluaran Hasil Kasar Negara per kapita yang sebenar (*real GDP per capita*).³⁶

³³ Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC, h. 21.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Lihat United Nations Development Programme (1998), *Human Development Report 1998*. New York: Oxford Univ. Press, h. 107. Dipetik dari Wan Mohd Nor, *Ibid.*, h. 25.

Usaha harus dibuat secara berterusan agar masyarakat Islam mempunyai kefahaman yang jelas tentang konsep 'pembangunan' yang berasaskan perspektif ajaran Islam iaitu yang melihat kegiatan pembangunan sebagai kegiatan yang tidak terkeluar dari tugas manusia sebagai hamba dan khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mentadbir dunia berasaskan ajaran tauhid. Ini dengan sendirinya membawa pengertian bahawa segala perancangan pembangunan yang akan menghalatujukan seluruh aktiviti pembangunan dalam sesuatu masyarakat tidak harus mengkesampingkan usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika serta berpegang teguh dengan nilai-nilai agama dan kerohanian. Selain dari itu, ia juga membawa pengertian bahawa dimensi utama yang sewajarnya menjadi teras dalam pembangunan sesebuah negara, khususnya pembangunan warganegara ialah pembangunan keinsanan menyeluruh dan bersepadu berakarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.³⁷

Apabila pembangunan keinsanan ditentukan sebagai teras utama kegiatan pembangunan, ini tidak bermakna bahawa kegiatan pembangunan sosial, ekonomi dan politik diketepikan, tetapi ia membawa mesej bahawa kegiatan pembangunan yang bertitkolak dari 'world view' Islam itu lebih menghormati kemuliaan dan keabadian sifat insan. Ia juga ingin meletakkan pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara di atas asas yang lebih kukuh dan berdaya cipta untuk berubah dan berkembang mengikut ajaran agama dan akhlak.³⁸ Dalam konteks perbincangan ini, tampak jelas bahawa akidah sewajibnya menjadi teras kepada seluruh kegiatan masyarakat bagi membangunkan ummah secara yang bersepadu. Usaha mengkesampingkan peranan akidah dalam proses pembangunan negara akan melahirkan generasi yang hilang kemanusiaannya walaupun mereka mungkin terkedepan dari aspek pencapaian material. Ini kerana dengan akidahlah kemanusiaan seseorang manusia akan menjadi sempurna dan mantap.³⁹ Prof. Al-Attas, ketika menghuraikan pengertian *al-dīn*, telah menjelaskan bahawa antara makna *al-dīn* ialah 'menjadikan diri lebih bersifat keinsanan, bertentang dengan sifat kebinatangannya.'⁴⁰ Menerangkan lebih lanjut tentang maksud ini, beliau menjelaskan:

“...maka erti agama sebagai membawa kepada keadaan yang menjadikan insan lebih bersifat kemurnian insaniah, atau manusia lebih berperi-

³⁷ Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud (1996), "Insan Baik Teras Kewarganegaraan" dalam *Jurnal PEMIKIR*, Jan-Mac 1996, h. 2.

³⁸ *Ibid.*, h. 3

³⁹ Muhammad Bayṣār (1973), *al-'Aqīdah wa al-Akhlāq*, h. 17.

⁴⁰ Lihat al-Attas, *Risalah*., h. 29.

⁴¹ *Ibid.*, h. 33.

kemanusiaan berdasar kepada faham bahawa insan harus 'rela dikawal' oleh undang-undang dan hukum dan kewibawaan yang dapat menjamin ketertiban dan ketenteraman dan kesejahteraan.⁴¹

Hakikatnya insan adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT yang terdiri dari roh dan jasad. Setelah dijadikan, dia telah mengakui semenjak di alam roh lagi untuk tunduk kepada perintah Allah dan menyatakan kesanggupan untuk melaksanakan tugas khalifah di atas muka bumi ini yang ditolak oleh makhluk Allah yang lain, namun insan yang bermakna 'yang pelupa' telah melupai semua ikrar untuk melaksanakan tugas tersebut, khususnya tugas besar mereka menegakkan agama di atas mukabumi dan menguruskan dunia dengan agama yang ditegakkannya itu.

Sengaja dibicarakan sedikit tentang hakikat insan dalam tulisan ini dengan tujuan bukan sekadar untuk menyedarkan ummah tentang hakikat diri, tapi juga untuk membantu memudahkan seseorang berfikir, merancang dan bertindak dalam seluruh aspek kehidupan hariannya bertitik tolak dari kefahaman tersebut. Memandangkan insan adalah makhluk istimewa yang terdiri dari roh dan jasad, maka apabila kita berbicara tentang 'pembangunan ummah' yang terdapat 'komuniti insan' di dalamnya, maka penekanan seharusnya diberi secara seimbang dalam membangun semua potensi yang ada pada manusia menurut perspektif ajaran Islam.

Entiti kerohanian manusia yang dikenali sebagai '*nafs*' hendaklah dibangunkan kerana manusia dipersiapkan secara semulajadinya oleh Allah SWT dengan dua potensi; potensi ke arah kebaikan dan potensi ke arah keburukan.⁴² Kedua-dua potensi ini boleh mempengaruhi seluruh perjalanan hidup manusia. Pembangunan potensi yang boleh mencondongkan manusia ke arah kebaikan harus diutamakan kerana ia boleh menentukan sejauh mana manusia dapat berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi ini. Ini bermakna seseorang individu perlu didedahkan dengan ilmu-ilmu penting Islam yang boleh mengawal '*nafs*' yang dimilikinya, khususnya ilmu yang boleh menggerakkan seluruh kekuatan akal, kemahuan dan kekuatan fizikalnya bagi memastikan pemiliknya terus berusaha untuk membangunkan ummah berasaskan nilai-nilai akidah Islam.

Islam amat menekankan soal pembangunan, namun ia lebih memberi keutamaan kepada aspek pembangunan yang berteraskan ketuhanan atau kerohanian berbanding dengan kemajuan yang berbentuk kebendaan agar manusia bukan sahaja mendapat *hasanah* di dunia, tetapi juga mendapat *hasanah* di akhirat. Lantaran itu, persoalan akidah harus ditekankan dalam proses pembangunan ummah. Unsur-unsur *tawhid*

⁴² Al-Syams: 91: 7-8.

⁴³ Al-Jumu'ah: 62: 2.

yang menetapkan asas peraturan tentang hubungan Allah dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah, *rubūbiyyah* yang menekankan sifat Allah sebagai penguasa, pembuat peraturan, pelindung, pengarah kehidupan makhluk ke arah kesempurnaan, *khilāfah* yang menjelaskan peranan manusia sebagai pemakmur alam ini dengan ajaran Allah dan *tazkiyyah* yang menjadi misi semua nabi Allah untuk menyucikan manusia⁴³ dalam semua hubungan dengan Allah, manusia, alam sekitar, masyarakat dan negara sepatutnya diambil kira dalam merancang program-program pembangunan ummah.

III

Memandangkan bidang pembangunan ummah melibatkan bidang yang cukup besar, begitu juga dengan cakupan bidang akidah yang berasaskan rukun iman yang enam juga cukup luas, penulis hanya akan menyentuh perbincangan seterusnya kepada beberapa asas akidah yang perlu diterapkan dalam perancangan pembangunan ummah agar program pembangunan yang dilaksanakan boleh melahirkan masyarakat madani yang akan melandaskan seluruh kegiatan hidupnya berasaskan paradigma tauhid. Akidah seharusnya diterapkan dalam beberapa aspek perancangan pembangunan seperti pembangunan watak dan minda individu muslim, pembangunan pendidikan, perancangan ekonomi dan politik serta pembangunan sosial ummah secara menyeluruh.

Tidak diragui bahawa penerapan akidah dalam bidang pembangunan ummah boleh membangun secara harmoni individu muslim. Ia boleh menyuburkan nilai-nilai positif dalam diri mereka, seperti berfikiran matang, tenang, kritis dan saintifik, mempunyai wawasan dan misi peribadi yang jelas dalam hidup serta berpandangan jauh. Dalam perbincangan awal artikel ini, penulis telah menerangkan tentang hakikat dan sifat akidah yang perlu dimiliki oleh setiap individu muslim. Antara yang telah disebutkan ialah sifat akidah yang berasaskan pegangan yang diyakini benar, bukannya yang diagak ataupun yang sekadar diduga sebagaimana pegangan kepercayaan yang dimiliki oleh masyarakat Arab Jahiliyah atau orang-orang Yahudi dan Nasrani. Kecenderungan al-Taftāzānī mendefinisikan Ilmu Kalam sebagai “pengetahuan tentang kepercayaan yang terdapat dalam agama berdasarkan dalil-dalil yang meyakinkan (*al-adillah al-yaqīniyyah*)⁴⁴ adalah jelas bertitik tolak dari kefahaman ini.

⁴⁴ Al-Taftazani, Sa'd al-Din (t.t.), *Syarh al-Maqāṣid*. juz. 1, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, h. 177.

Islam menekankan pencapaian pengetahuan tentang sesuatu perkara berasaskan 'ilm al-yaqin, bukannya berbentuk andaian-andaian atau agakan liar. Metod penerimaan ilmu dan penarafan ilmu yang berasaskan 'kualiti kandungan pengetahuan' itu sendiri yang ditekankan dalam bidang akidah membawa mesej yang jelas kepada umat Islam agar mereka tidak mudah menerima mana-mana pegangan kepercayaan nenek moyang, warisan tradisi silam dan faham-faham ilmu yang tidak berasaskan kepada ilmu yang yakin. Jikalau ini dapat dilakukan, masyarakat akan berfikir secara waras, kritis dan saintifik dan ini akan memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan ummah.

Akidah melahirkan manusia yang merasai dirinya dihargai dan dimuliakan oleh Allah, merasai ketenangan melayari bahtera kehidupan dan tidak merasai gelisah dan berperasaan haru-biru. Ia adalah seorang yang berpandangan jauh. Dalam kehidupannya di atas muka bumi, dia sedar ada Tuhan yang sentiasa menaungi dan merahmatinya, ada malaikat yang mengawasinya, ada buku panduan (al-Qur'an) yang boleh dijadikan pedoman hidup, ada Nabi yang menterjemahkan prinsip ajaran Kitab yang tidak difahaminya, ada balasan atas segala perbuatan baik dan buruknya dan ada mahlighainya yang bakal dihuni andaikata dia bermal dengan tuntutan akidahnya.

Adalah dimaklumi bahawa akidah Islam adalah himpunan kepercayaan tentang ketuhanan, kenabian dan *al-ghaybiyyat* yang menjadi teras kepada ajaran Islam. Asas pegangan kepercayaan ini menjelaskan dan memahamkan kepada manusia tentang asal-usulnya, kedudukan Allah SWT dalam seluruh sistem kewujudan, matlamat manusia dihantar sementara waktu di atas mukabumi ini, peranannya sebagai khalifah Allah SWT berbekalkan ajaran para Rasul 'a.s. dan nasib akhir atau destini manusia selepas mereka mati. Tanpa adanya kefahaman yang jelas tentang hal ini, khususnya tentang hakikat diri, maka hilanglah keupayaan manusia untuk bertindak secara saksama, adil dan wajar terhadap sebarang perkara yang lain yang wujud atau berlaku dan berinteraksi dengan dirinya di dalam persekitaran alam tabii, alam manusia dan sistem kewujudan seluruhnya.⁴⁵

Jikalau ini berlaku, tentu sekali manusia akan menempuh azab siksaan yang pedih pada hari akhirat. Lantaran itu, orang-orang yang beriman akan sentiasa memanfaatkan tempoh kehidupannya di dunia ini sebagai persiapan untuk beliau menghadapi hari akhirat. Ia bekerja bukan sahaja mengharapkan balasan dari manusia, tetapi mengharapkan keredhaan dari Allah SWT, Tuhan Yang Mentadbir pada Hari Pembalasan. Hal-hal yang seperti ini akan menyumbang ke arah kelahiran ummah yang mempunyai hala tuju yang jelas dalam kehidupannya.

⁴⁵ Lihat Hashim Musa (1995), "Mencari Ilmu Yang Benar: Ke Arah Penghuraian Konsep Ilmu Yang Benar dan Pentarafan Ilmu Pengetahuan Berdasarkan Kata-kata Kunci Utama" dalam *Jurnal Kesturi*, Jilid 5, Bil. 2, Petaling Jaya: Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), h. 27.

Akidah boleh merangsang dan memotivasi seseorang muslim untuk melakukan amalan baik dan mulia dalam hidupnya. Peranan ini adalah jelas kerana akidah yang bersemat kukuh dalam diri individu muslim akan menggerakkan seluruh anggotanya untuk menterjemahkan secara praktikal seluruh ajaran Allah yang diyakininya sebagai benar dan perlu dihayatinya dalam kehidupan. Apa yang dikatakan “iman” atau “akidah” bukan sekadar ‘pegangan” atau “kepercayaan” yang pasif, tapi ia adalah suatu tenaga utama yang menggerakkan manusia agar melakukan amalan-amalan mulia selari dengan kehendak Tuhan yang dipercayai, Nabi yang diiktiraf-Nya, al-Qur’an yang diimaninya, Hari Akhirat yang bakal ditempuhinya dan Malaikat sebagai tentera Allah yang perlu digeruninya.

Akidah juga melahirkan manusia yang berfikiran terbuka, berpandangan jauh dan berkeyakinan dalam hidup. Kepercayaan muslim tentang adanya Tuhan dan alam lain yang bakal ditempuhinya kelak selepas seseorang meninggalkan dunia ini akan menjadikannya sebagai orang yang berpandangan jauh. Pandangannya bukan hanya berasaskan alam inderawi, ukuran keduniaan dan kemanusiaan semata-mata, tetapi turut meletakkan keutamaan kepada ukuran ukhrawi sebagai suatu neraca ukuran dalam menilai seluruh perancangan, tindak-tanduk dan risiko-risiko yang bakal ditempuhinya. Beliau akan mengambil kira soal dosa-pahala, halal-haram, neraka-surga dalam berfikir dan bertindak. Sesuatu keputusan yang dibuat atau sesuatu perbuatan/tindakan yang dilakukannya, adalah berasaskan keyakinan diri terhadap prinsip-prinsip akidah yang menjadi pegangannya. Beliau akan menjadi seorang yang optimis, tegas, tabah dan cukup berkeyakinan dalam hidup.

Akidah juga boleh menyumbang kepada wujudnya pembudayaan ilmu dalam sesuatu masyarakat. Perbincangan tentang budaya ilmu melibatkan hal-hal yang merujuk kepada budaya mementingkan segala kegiatan dan tindakan yang berteraskan kepada ilmu dalam kehidupan manusia. Budaya ini amat ditekankan dalam ajaran Islam. Kejayaan umat Islam silam pada zaman kegemilangan mereka memperkukuhkan budaya ilmu dalam masyarakat, membolehkan mereka membina sebuah peradaban dunia yang tiada tandingannya dalam sejarah kemanusiaan secara global.

Banyak ayat al-Qur’an dan hadis Rasulullah s. ‘a.w yang menekankan kepentingan ilmu dalam Islam. Ayat pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w jelas memperkatakan tentang Tuhan sebagai sumber atau punca utama ilmu pengetahuan; Tuhan yang mengajarkan manusia menerusi perantaraan *al-qalam*, Tuhan yang mengajarkan segala nama sesuatu kepada Nabi Adam ‘a.s bagi memudahkannya menjalankan tugas sebagai pemimpin dunia, juga Tuhan yang meletakkan golongan berilmu sebagai golongan yang bermartabat tinggi berbanding dengan golongan yang dangkal ilmu pengetahuannya.

Hadis Rasulullah s. 'a.w pernah menyentuh tentang peranan para malaikat yang sering melebarkan sayapnya bagi menaungi kalangan yang sering mendampingi institusi-institusi ilmu. Antara yang tersirat di sebalik hadis ini ialah berkait dengan kepentingan menghormati institusi ilmu dan golongan ilmuwan, menjaga kebajikan para pelajar dan para guru yang tidak pernah lokek untuk menyumbangkan tenaga bagi membantu mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya iman dan Islam. Selain dari itu, kefahaman umat Islam tentang nama Allah "*al-'Alīm*" (Yang Mengetahui) seharusnya mendorong mereka untuk menggerakkan usaha menyemarakkan kegiatan keilmuan dalam masyarakat. Al-Imām al-Ghazzālī pernah memperkatakan peri pentingnya manusia meniru 'akhlak Allah' yang tersirat di sebalik nama-namaNya yang agung seperti '*al-'Alīm*', *al-Rahmān*, *al-Rahīm* dan sebagainya.

Akidah boleh melahirkan masyarakat yang harmonis dan hidup dalam keadaan aman dan sentosa. Akidah yang menjadi pegangan setiap individu mendorong mereka untuk menghargai hak orang lain seperti hak jiran, tetamu dan hak bagi semua orang termasuk hak setiap ahli keluarga. Rasulullah s. 'a.w bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka ia hendaklah memuliakan tetamunya, sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka ia hendaklah memuliakan jirannya dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka ia hendaklah berkata-kata dengan sesuatu perkataan yang baik atau berdiam diri."

Selain dari itu, akidah juga boleh melahirkan masyarakat yang bertaqwa dan menjauhi amalan-amalan yang dihina dan dikutuk oleh syarak. Pegangan akidah yang ada dalam diri seseorang akan membentuk individu tersebut menjadi seorang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah dengan melaksanakan seluruh suruhanNya dan meninggalkan laranganNya. Ia akan menjauhi riba, rasuah, melakukan amalan pilih kasih, bersikap zalim, menafikan hak orang lain yang layak menerimanya dan berbagai bentuk amalan buruk yang lain. Firman Allah (bermaksud):

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu memakan (atau mengambil) riba dengan berlipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, supaya kamu berjaya." (Āli-Imrān: 130.)

Hal-hal yang disebutkan tadi perlu ditanamkan dalam jiwa individu muslim tanpa mengira apa kedudukan mereka dalam sesebuah organisasi atau masyarakat. Prinsip-prinsip akidah yang melahirkan kesan seperti yang dinyatakan di atas perlu didedahkan kepada masyarakat khususnya para pelajar, terutama mahasiswa yang akan menempuh kehidupan sebenar di luar kampus. Ia juga perlu ditekankan dalam program-program latihan pembangunan sumber manusia yang boleh dijalankan secara berkala untuk organisasi awam dan swasta, agar sesebuah organisasi tersebut boleh melahirkan pekerja yang pro-aktif, berketrampilan, berwawasan jauh dan tahu tentang apa

matlamat yang harus dicapai menerusi kerja hariannya. Ia bukan sekadar mengharapkan upah atau kenaikan pangkat, tetapi mengharapkan pencapaian *hasanah* di dunia dan akhirat.

Dalam perancangan pembangunan bidang pendidikan, suatu perkara yang perlu dimantapkan ialah dari sudut kurikulum pengajian akidah sama ada yang berlangsung dalam sistem pendidikan formal ataupun tradisional. Akidah harus dibentangkan dengan cara yang mudah dan tidak menggunakan pendekatan yang kurang sesuai dengan tahap mentaliti para pelajar. Ia harus menghindarkan perbincangan yang kurang relevan dengan keperluan semasa ummah kini. Isu-isu yang agak rumit dan mungkin menimbulkan kontroversi seharusnya diserahkan kepada ahli ilmu yang mempunyai kepakaran yang cukup dalam bidang tersebut. Adalah sesuatu yang tidak wajar andaikan kata kehadiran bermacam-macam aliran pemikiran yang menyimpang dari Islam, khususnya yang berakar umbi dari faham sekular, kemunculan golongan anti-hadis dan golongan yang mencaci dan mempersenda sunnah dan keperibadian Rasulullah s.a.w tidak disentuh dalam pengajian akidah, sebaliknya perbincangan hanya ditumpukan dari aspek polemik yang berasaskan hujahan dialektika antara *firaq kalāmiyyah*. Adalah tidak wajar hal-hal seperti ini disumbatkan ke telinga orang-orang awam walaupun mereka tidak begitu memahami pendekatan bercorak kefasafahan dan penaakulan logikal.

Suatu perkara yang harus diberi perhatian kepada penggubal kurikulum pengajian akidah kini ialah keperluan mempersembahkan ilmu tersebut berasaskan pendekatan bersepadu yang bercorak 'rentas-ilmu' iaitu pendekatan yang mengaitkan disiplin pengajian akidah dengan disiplin-disiplin sains tulen, sains terapan/gunaan dan sains sosial. Saranan tentang hal ini telah lama disuarakan oleh para ilmuwan Islam, namun pelaksanaannya sehingga kini masih belum memuaskan walaupun pihak kerajaan telah lama memperkenalkan KBSM dan KBSR. Kedatangan penjajah yang menyuburkan faham sekularisme dan mengamalkan dasar 'pecah dan perintah' menerusi usaha memperkenalkan kurikulum pendidikan dan institusi pendidikan yang berbeza menurut ras dan kaum yang ada dalam masyarakat pada zaman pra kemerdekaan telah melahirkan pelajar yang mempunyai identiti yang berbeza antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain berasaskan penjurusan bidang pengajian masing-masing. Menerusi penanaman konsep sekular, Barat hampir berjaya memecahkan integrasi jasad dan roh yang diajar oleh Islam. Sistem pendidikan Barat yang sekular digunakan sebagai jalan pendek kepada perubahan sosial dan alat yang utama bagi melemahkan perasaan keagamaan dan memperkuat sikap-sikap sekular sekularis.⁴⁶

⁴⁶ Lihat Mohd Kamal Hassan (1985), "Penghayatan Islam Dalam Mempelajari dan Mengembangkan Ilmu" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 3, Sept. 1985, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 13.

Kedatangan penjajah telah menyebabkan sistem pendidikan negara kita mula bersifat 'anthropocentric' yang mengakibatkan mata pelajaran dibahagikan kepada pengajian 'agama' dan 'akademik'. Dalam persaingan antara kedua-dua pengajaran tersebut, pengajaran agama tidak begitu mendapat penghargaan kerana pelajar hanya diperkenalkan dengan persoalan ketuhanan yang kurang dikaitkan dengan semua aspek kehidupan manusia. Gambaran ketuhanan juga sering didedahkan dalam bentuk yang kaku dan kabur sehingga pelajar sukar menghayatinya. Guru agama yang kurang terdedah kepada mata pelajaran Sains dan Kemusiaan pula kurang mampu menghubungkan akidah tauhid itu dengan kegiatan saintifik dan teknologi. Akibatnya pengajaran yang disampaikan tidak difahami sebagai suatu falsafah hidup yang menyeluruh.⁴⁷

Al-Qur'an sebenarnya sarat mengandungi gugusan ayat yang memperkatakan isu-isu berkaitan dengan bidang sains dan teknologi. Banyak istilah sains yang diperkenalkan oleh al-Qur'an, misalnya istilah biologi seperti *sulālah*, *nuffah*, *'alaqah*, *mudghah*, *'izām*, *lahm*, *maniy*, *al-sulb*, *al-tarā'ib* dan sebagainya. Allah SWT menjelaskan kejadian alam, kejadian manusia, peredaran matahari, pertukaran malam dan siang, proses pengebungan yang berlaku dengan angin yang ditiupkan, penurunan hujan dan fungsinya kepada manusia, sistem ekologi, fungsi gunung-ganang sebagai pasak bagi mengukuhkan kedudukan bumi, pengaliran sungai-sungai, kejadian haiwan yang bermacam-macam jenis, kewujudan buah-buahan yang bermacam-macam jenis⁴⁸ adalah antara fakta ilmiah yang diterangkan oleh al-Qur'an bagi membolehkan manusia memahami dan mengenal kebesaran Allah SWT yang mengatur seluruh peraturan alam. Peraturan alam inilah yang menjadi objek utama kajian saintifik.

Ketika mengulas hubungan Tauhid dan Sains, Osman Bakar pernah mengulas satu ayat dalam surah Yasin yang bermaksud "Dan matahari beredar ke suatu tempat yang sudah ditetapkan baginya; demikianlah ketentuan [Allah] Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."⁴⁹ Menurutnya, ada hubungan hakiki antara peredaran matahari dan dua nama atau sifat Allah yang disebutkan di sini. Gerakan matahari dan

⁴⁷ Lihat Zawawi Hj. Ahmad (1996), *Sains Dalam Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30-31. Lihat juga, Mohd Kamal Hassan (1981), *Konsep Pendidikan Islam dan Ledakan Kerohanian Dalam Masyarakat* dalam Mohd Kamal Hassan, et.al, *Pendidikan: Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: YADIM, h. 6 & 11,

⁴⁸ Untuk keterangan yang lebih detil tentang ayat-ayat berkaitan, lihat Zawawi Hj. Ahmad, *ibid*, h. 28-73, al-Ghazālī, Abū Ḥamid (t.t.), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 1, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 96-97. Abu Hassan Ali (2001), *Pengetahuan Sains Untuk Pendidikan Islam*, jilid 1, Petaling Jaya: Pustaka Akademik, h. 35-48.

⁴⁹ Al-Qur'an: 36: 38.

⁵⁰ Lihat Osman Bakar (1994), *Ilmu Tauhid Berasaskan Kajian Saintifik* dalam Ismail

peredarannya yang mematuhi hukum-hukum tertentu adalah manifestasi keperkasaan dan kebijaksanaan Allah. Pengetahuan manusia yang mendalam tentang peredaran matahari di dalam sistem planet kita akan menimbulkan kesedaran di dalam dirinya tentang kekuasaan dan kebijaksanaan penciptanya.⁵⁰

Dalam bidang sains kemanusiaan, al-Qur'an dan hadis banyak mengajar umat Islam tentang etika-etika yang perlu dijadikan landasan hidup menyentuh bidang-bidang seperti pengurusan ekonomi, pentadbiran politik, pengurusan sumber manusia, pengurusan alam sekitar dan sebagainya. Kepercayaan terhadap Rasul yang diimani oleh mukmin sepatutnya merangsang mereka untuk menerapkan etika pengurusan dan pentadbiran berdasarkan teladan yang ditunjukkan oleh Baginda ketika Baginda memimpin negara, berinteraksi dengan ahli masyarakat dan menguruskan hal ehwal antarabangsa. Keterangan tentang kisah Rasulullah s. 'a.w yang pernah menegur sahabatnya yang mendera hambanya dengan amaran bahawa beliau akan bakal menerima nasib deraan yang lebih hebat pada hari akhirat,⁵¹ juga contoh bagaimana baginda berurusan dengan orang bawahannya dengan cara yang penuh dengan kesopanan dan ketatasusilaan menunjukkan betapa perlunya para pemimpin bersikap sopan terhadap orang bawahan dan tidak mendera mereka secara 'fizikal' ataupun 'mental'.

Huraian yang diberikan di atas yang menyentuh kepentingan penerapan akidah dalam beberapa aspek atau bidang pembangunan ummah adalah sebahagian dari contoh menunjukkan betapa pentingnya akidah dijadikan teras dalam kegiatan pembangunan ummah secara keseluruhannya. Bidang-bidang lain yang tidak disentuh, misalnya bidang pengurusan pembangunan alam sekitar, pembangunan ekonomi, sosial dan politik juga sebenarnya tidak harus ditangani secara berasingan dari nilai tauhid. Islam mengajar manusia supaya mengakui bahawa Allah adalah Tuhan bagi semua manusia, semua manusia adalah sama dari segi kejadiannya, alam ini adalah ciptaan Allah yang disewakan kepada manusia buat sementara waktu di mana manusia perlu menyerahkan kembali alam ini kepada Tuhan dalam keadaan yang baik sebagaimana keadaannya yang asal, manusia harus terikat dengan hukum-hakam Allah dan tidak melakukan sebarang kerosakan di atas mukabumi ini.

Di peringkat antarabangsa, dunia telah merasai kesannya apabila pembangunan alam sekitar tidak dilakukan secara yang bersopan sehingga menjejaskan kesejahteraan manusia sejagat kini dan bakal menggugat kehidupan generasi akan datang. Pihak PBB telah merangka agenda 21⁵² yang mengandungi pelan bertindak bagi

⁵¹ Zawawi Hj. Ahmad (1996), *op.cit.*, h. 8.

⁵² Untuk keterangan lanjut tentang Agenda 21, lihat www.un.org/esa/sustdev/agenda21.htm.

mempastikan segala aktiviti pembangunan tidak menjejaskan kehidupan manusia kini dan akan datang. Istilah 'pembangunan mapan' (*sustainable development*) telah diagendakan bagi memastikan bahawa faktor manusia harus diberi perhitungan utama dalam pelaksanaan *sustainable development*⁵³ agar mereka berkewajaran untuk hidup dalam keadaan sihat dan produktif secara mesra alam, iaitu pembangunan yang tidak merosakkan alam tabii (*human beings are at the centre of concerns for sustainable development. They are entitle to a healty and productive life in harmony with nature*).⁵⁴ Al-Qur'an sebenarnya telah banyak memperkatakan keperluan menghormati alam sebagai 'alamat' bagi kewujudan Allah SWT dan manifestasi sifat kebijaksanaan dan keagungan Allah SWT. Ia tidak boleh 'dikerjakan' sesuka hati bagi memuaskan nafsu rakus sesetengah manusia dengan cara memusnahkan peluang majoriti anggota masyarakat untuk menikmati kehidupan yang aman dan harmoni.

IV

Berdasarkan perbincangan yang diutarakan tadi, dirumuskan bahawa akidah telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan kegiatan manusia. Lantaran itu, ia sewajarnya dijadikan teras utama dalam program pembangunan negara. Penerapan nilai-nilai akidah dalam segenap aspek pembangunan ummah, khususnya menerusi bidang pendidikan dan latihan akan memastikan generasi kini yang pernah dikelirukan minda dan falsafah hidup mereka oleh faham sekular buat sekian lama, akan kembali bangkit semula menggerakkan kegiatan '*islāh*' bagi membangun ummah secara yang bersepadu. Bagi mencapai maksud ini, anjakan paradigma dalam beberapa aspek pengajian akidah perlu dilakukan bagi maksud menyesuaikan dengan keperluan dan cabaran semasa yang dihadapi ummah khususnya dalam era globalisasi kini yang begitu mencabar.

⁵³ Istilah ini didefinisikan oleh World Commission on Environment and Development sebagai '*development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs*'. Untuk keterangan lanjut tentang definisi-definisi lain, lihat <http://www.sustainableliving.org/appen-a.htm>.

⁵⁴ Lihat <http://www.un.org/documents/ga/conf151/aconf15126-1 annex1.htm>, [14/10/02].